



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1989
DR.35/1989

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1989. Tajuk ringkas.

2. Seksyen 9 Akta Mahkamah Kehakiman 1964, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 9 dengan seksyen baru 9 yang berikut: Pindaan seksyen 9. Akta 91.

“Exercise of powers during incapacity or absence.” 9. (1) Whenever during any period, owing to illness or absence from Malaysia or any other cause, the Lord President is unable to exercise the powers or perform the duties of his office (including his functions under the Constitution) the powers shall be had and may be exercised and the duties shall be performed—

(a) by the Chief Justice of the High Court in Malaya; or

(b) where the Chief Justice of the High Court in Malaya is absent from Malaysia or unable to act, by the Chief Justice of the High Court in Borneo; or

- (c) where the Chief Justices of both the High Courts are absent from Malaysia or unable to act, by the Judge of the Supreme Court nominated for that purpose by the Yang di-Pertuan Agong.

(2) Whenever during any period, owing to illness or absence from Malaysia or any other cause, a Chief Justice is unable to exercise the powers or perform the duties of his office, the powers shall be had and may be exercised and the duties shall be performed by the Judge of the said High Court designated for that purpose by the Lord President or the Chief Justice of that High Court.”.

Pindaan
seksyen 17.

3. Seksyen 17 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perenggan (c) subseksyen (2) dengan yang berikut:

“(c) two Judges appointed by the Lord President for such period as he may specify in writing;” dan

- (b) dengan menggantikan perenggan (e) subseksyen (2) dengan yang berikut:

“(e) two advocates practising in the States of Malaya appointed by the Chief Justice of the High Court in Malaya for such period as he may specify in writing;”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

2. *Fasal 2* bertujuan menggantikan seksyen 9 sekarang dengan seksyen baru 9, yang mana subseksyen (1) memperuntukkan bahawa kuasa-kuasa dan tugas-tugas Ketua Hakim Negara, semasa ketakupayaannya atau ketiadaannya, hendaklah dijalankan dan dilaksanakan oleh Hakim Besar Mahkamah Tinggi

di Malaya atau, jika dia tidak ada atau tidak berupaya untuk bertindak, oleh Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo atau, jika kedua-dua Hakim Besar tidak ada atau tidak berupaya untuk bertindak, oleh Hakim Mahkamah Agung yang dinamakan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Subseksyen (2) seksyen baru 9 memperuntukkan bahawa kuasa-kuasa dan tugas-tugas Hakim Besar, dalam keadaan yang seumpama, hendaklah dijalankan dan dilaksanakan oleh Hakim Mahkamah Tinggi yang ditetapkan oleh Ketua Hakim Negara atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi yang berkenaan.

Tujuan pindaan ini adalah untuk menjadikannya jelas sama sekali tentang Hakim yang mana yang akan menjalankan kuasa-kuasa Ketua Hakim Negara atau Hakim Besar, mengikut mana-mana yang berkenaan, semasa ketiadaan atau ketidakupayaannya untuk bertindak demi untuk memastikan pentadbiran mahkamah akan berjalan dengan licin.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda subseksyen (2) seksyen 17 untuk menentukan bilangan Hakim yang akan dilantik, dan untuk menyelaraskan perlantikan peguambela-peguambela di Negeri-Negeri Tanah Melayu dan di Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak, kepada Jawatankuasa Kaedah.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1545.]